



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2018

Rujukan : Bil.(23)dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld.2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

25 Julai 2018

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan/Puan,

AMALAN PERBELANJAAN BERHEMAH

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa kedudukan kewangan Majlis pada masa ini dalam keadaan yang stabil. Bagi memastikan kedudukan kewangan yang baik ini berterusan adalah diingatkan agar semua Jabatan mengambil langkah yang berhemah dalam membuat perbelanjaan. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan sesuatu perbelanjaan:

Bil.	Perkara	Perincian
1.	Pengurusan Program	<ul style="list-style-type: none"> - Perbelanjaan terkawal bagi perkara-perkara asas dalam melaksanakan sesuatu program. - Pemantauan Ketua Jabatan/Bahagian/Unit bagi tuntutan elauan lebih masa anggota yang terlibat dengan program yang dijalankan. - Penyediaan Bajet yang terperinci yang disemak dan dilluluskan oleh Ketua Jawatankuasa/Pegawai Pengawal sebelum sesuatu perbelanjaan dibuat.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2018

Rujukan : Bil.(23)dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld.2

AMALAN PERBELANJAAN BERHEMAH

Bil.	Perkara	Perincian														
2.	Makan dan Minum bagi mesyuarat dan program Majlis	<ul style="list-style-type: none">- Penyediaan Makan dan Minum mesyuarat dilaksanakan mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Majlis.														
		<table border="1"><thead><tr><th>Bil</th><th>Jamuan</th><th>Kadar (Rm)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Pagi</td><td>5.00</td></tr><tr><td>2.</td><td>Tengahari</td><td>10.00</td></tr><tr><td>3.</td><td>Petang</td><td>5.00</td></tr></tbody></table>			Bil	Jamuan	Kadar (Rm)	1.	Pagi	5.00	2.	Tengahari	10.00	3.	Petang	5.00
Bil	Jamuan	Kadar (Rm)														
1.	Pagi	5.00														
2.	Tengahari	10.00														
3.	Petang	5.00														
		<ul style="list-style-type: none">- Konsep kesederhanaan perlu diterapkan dalam penyediaan makan dan minum bagi program-program Majlis.- Membuat anggaran terperinci atas kehadiran dan bilangan peserta/ahli mesyuarat agar pembaziran tidak berlaku.														
3.	Pembelian Berpusat	<ul style="list-style-type: none">- Terdapat pembekalan jenis barang yang sama dibuat oleh Jabatan-Jabatan pada harga yang berbeza.- Majlis telah membuat penetapan sebelum ini (semasa penyediaan Bajet Tahunan) bagi barang yang disenaraikan di Lampiran A perlu dilaksanakan perolehan secara berpusat bagi memastikan kawalan harga dapat dibuat dengan lebih teliti.														
4.	Perbelanjaan dan Tuntutan Tunai (selain panjar wang runcit)	<ul style="list-style-type: none">- Tuntutan tunai yang dibuat perlu mengikut prosedur perolehan yang ditetapkan termasuk kelulusan berbelanja dan juga perbandingan harga.- Perbelanjaan dan tuntutan tunai hanya boleh dibuat bagi perkara-perkara yang dibudgetkan serta menggunakan kod objek yang bersesuaian.														

ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2018

Rujukan : Bil.(23)dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld.2

AMALAN PERBELANJAAN BERHEMAH

3. Untuk makluman, amalan belanja berhemah perlu dibuat dari masa ke semasa secara berterusan dalam usaha Majlis mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh. Selain dari perkara yang dinyatakan di atas, Ketua Jabatan/Unit perlu memastikan amalan pembelian “**best value for money**” dititikberatkan dengan perlaksanaan **perbandingan harga dan kajian pasaran** bagi sesuatu perolehan agar ianya mencapai matlamat yang ditetapkan.
4. Adalah diharapkan dengan penambahbaikan bagi perkara-perkara yang dinyatakan diatas dapat memastikan pematuhan kepada prosedur yang ditetapkan dilaksanakan dengan betul serta menjamin kelangsungan sumber kewangan yang stabil pada masa hadapan.
5. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

“LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI”

BARANGAN YANG PERLU DILAKSANAKAN PEROLEHAN SECARA BERPUSAT

BIL	BARANGAN
1.	Sampul kecil
2.	Fail Jabatan
3.	Racun Serangga
4.	Bahan Kimia
5.	Bahan Pencuci
6.	Bendera
7.	Bahan Pengecat
8.	Banner / Banting
9.	Plastik sampah
10.	Sarung tangan
11.	Kasut But
12.	Risalah
13.	Penyapu
14.	Pencakar
15.	Mop
16.	Pemadam Api
17.	Makanan haiwan
18.	Pokok
19.	Baja
20.	Pewangi Pejabat, Kereta
21.	Sampul Surat
22.	Tayar